

Industri pelancongan Kelantan rugi RM2.6 bilion

KOTA BHARU: Kerugian dialami industri pelancongan dan budaya di Kelantan dianggarkan berjumlah RM2.6 bilion tahun lalu akibat penularan wabak COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan negeri, Mejari (B) Datuk Md Anizam Ab Rahman, berkata angka yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) itu termasuk penyusutan lebih 2.2 juta pelawat.

Beliau berkata, penularan COVID-19 menyebabkan kekurangan pelancong masuk ke negeri itu disebabkan pergerakan yang dihadkan dan memberi impak yang besar.

"Kerugian semasa dialami sektor pelancongan negara pula dianggarkan mencecah RM45 bilion pada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Mohd Syahbuddin Hashim (BN- Galas) pada Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan ke-14 di Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Md Anizam berkata, kerajaan negeri menyalur beberapa bantuan kepada pemain industri berjumlah lebih RM724,750, termasuk pihak hotel, bot pelancong, pemandu pelancong dan sebagainya.

"Antara bantuan yang kita salur termasuk sanitasi kepada hotel yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) di negeri ini, wang tunai RM1,000 masing-masing kepada agensi pelancongan, penggiat seni, pemandu beca dan sebagainya.

"Di samping sumbangan kerajaan Kelantan, kita turut menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat bagi membantu untuk meringankan beban. Sebagai usaha memajukan semula industri pelancongan, kerajaan negeri menerusi gelembung pelancongan membuat pelbagai promosi termasuk secara virtual," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/855699/industri-pelancongan-kelantan-rugi-rm26-bilion>